


Bahagian A

(30 Markah)

(Masa dicadangkan : 45 minit)

Berdasarkan rajah dibawah, huraikan pendapat anda tentang **punca-punca** berlakunya banjir kilat. Panjang huraian anda hendaklah antara **200 hingga 250** patah perkataan.



Bahagian B*(100 markah)**(Masa dicadangkan : 1 Jam 30 Minit)*

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

1. Sebagai seorang remaja, anda juga merupakan seorang belia yang mempunyai peranan penting dalam membangunkan dan memajukan negara ini.

Ulaskan pernyataan di atas.

2. Usaha berterusan membantu golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) merupakan satu tindakan yang wajar demi membolehkan golongan ini memberikan sumbangan yang berkesan kepada negara.

Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang wajar dilakukan untuk membantu golongan ini?

3. Anda menyertai pertandingan pidato. Tajuk pidato anda ialah 'Bahasa Kebangsaan Pemangkin Perpaduan Rakyat'.

Tulis teks pidato itu selengkapnya.

4. Malaysia menjadi pusat kecemerlangan pendidikan antarabangsa. Bincangkan.

5.

Di sana padi di sini padi, Padi huma dari seberang, Di sana budi di sini budi, Barulah nama disebut orang
--

Terdapat banyak pantun seperti pantun di atas yang memberikan pelbagai pengajaran kepada kita.

Huraikan pengajaran-pengajaran yang dapat diperoleh daripada pantun-pantun sedemikian.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT